Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 14 (2), 2019, 65-74
https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no2.6

PERANAN ULAMA DALAM PENYEBARAN AJARAN ISLAM DI PULAU BESAR, MELAKA

(The Role of Muslim Scholars in Spreading the Teaching of Islam in Pulau Besar, Melaka)

Khairul Azhar Meerangani*

Abstrak

Pulau Besar merupakan salah sebuah lokasi tumpuan di Melaka yang banyak dikaitkan dengan kisah mistik dan lagenda. Para pelancong dari dalam dan luar negara sering melawati pulau ini atas pelbagai tujuan dan keperluan. Meskipun lebih masyhur dengan kisah-kisah mistik, pulau ini sebenarnya merupakan antara lokasi utama penyebaran dan perkembangan agama Islam di Melaka suatu ketika dahulu. Kehadiran para ulama tasawuf dari benua Arab seperti Syeikh Ismail dan Syeikh Yusuf ternyata telah berjaya mengubah pegangan dan anutan agama masyarakat setempat. Kajian ini bertujuan mengkaji peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh para ulama tasawuf dalam aktiviti penyebaran dan perkembangan Islam di Pulau Besar, Melaka. Fakta sejarah diperoleh daripada sumber primer dan sumber sekunder yang seterusnya dianalisis secara induktif bagi merumuskan peranan mereka menyebarkan Islam dalam kalangan masyarakat tempatan. Keunikan dakwah yang disampaikan telah menarik minat penduduk tempatan untuk mempelajari seterusnya menganuti ajaran Islam. Pembinaan madrasah di Pulau Besar oleh mereka telah menjadikan pulau ini sebagai antara lokasi tumpuan pengajian dan penyebaran Islam di Nusantara. Madrasah ini juga telah melahirkan beberapa tokoh terkemuka dalam dakwah Islam seperti Sunan Giri dan Sunan Bonang yang akhirnya telah meneruskan usaha dakwah ini ke seluruh Nusantara. Ternyata, para ulama tasawuf ini telah memainkan peranan yang cukup signifikan dalam penyebaran Islam di Melaka khususnya dan juga seluruh Nusantara umumnya.

Kata kunci: Ulama, Peranan, Dakwah, Penyebaran Islam, Pulau Besar

Abstract

Pulau Besar is one of hotspots in Malacca which is widely associated with mystic and legendary stories. Local and foreign tourists frequently go to the island for various purposes and needs. Despite being more famous with mystical stories, this island indeed one of the main locations for the spread of Islam in Malacca years before. The presence of sufism scholars from the Arab continent such as Syeikh Ismail and Syeikh Yusuf turned out to have succeeded in altering the religious beliefs among the local community. The study aims to examine the roles and contributions played by the scholars of Sufism in the spread of Islam in Pulau Besar, Melaka. Historical facts are derived from primary and secondary sources which are then inductively analyzed to formulate their role in spreading Islam among local communities. The uniqueness of the da'wah delivered had attracted the locals to learn more about the teachings of Islam. The existence of the madrasah in Pulau Besar made the island as one of the learning center and dissemination of Islam in Nusantara. The madrasah also produced a number of prominent figures in Islamic propaganda like Sunan Giri and Sunan Bonang who were finally continue this da'wah effort throughout Nusantara. Apparently, these Sufi scholars have played a significant role in the spread of Islam particularly in Melaka and throughout the entire Nusantara.

***Keywords**: Muslim Scholars, Role, Dakwah, Spread of Islam, Pulau Besar*

Pengenalan

Penyebaran Islam di alam Melayu telah melalui suatu proses yang panjang sesuai dengan sempadan geografinya yang luas. Sempadan ini merangkumi beberapa buah negara seperti Indonesia, Filipina, Brunei, Patani dan Malaysia yang terletak di antara Lautan Hindi dan Laut China Selatan.[1] Penghuni terawal rantau alam Melayu ini dikatakan berasal daripada kelompok Melayu Proto (2500-1500 SM)

* Khairul Azhar Meerangani (Ph.D) (corresponding author), Dean, Institute of Postgraduate Studies, University College of Islam Malacca (KUIM), Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia. Email: khairulazhar@kuim.edu.my.

[1] Mahayudin Yahaya (2001), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

dan Melayu Deutro (300 SM) dan dipercayai tidak menganut sebarang agama secara bersistem. Mereka lebih terpengaruh dengan kepercayaan animisme dan dinamisme yang meyakini kewujudan roh dan semangat dalam setiap unsur di alam semesta sama ada hidup ataupun mati. Kemunculan watak-watak yang mempunyai kemampuan mistik serta dianggap kultus seperti dukun, bomoh dan pawang telah mengukuhkan lagi kepercayaan mereka tersebut.[2] Kepercayaan ini diperkuatkan lagi dengan pelaksanaan upacara pemujaan seperti semah dan buang ancak. Perbuatan memberi jamuan kepada penunggu atau makhluk halus (penjaga kawasan) berupa haiwan yang dikorbankan seperti ayam dan kambing mahupun berbentuk makanan seperti pulut kuning dan telur bertujuan meraikan roh dan semangat tertentu. Masyarakat Melayu dilihat tidak mempunyai suatu agama yang tersusun dan bersistem lengkap pada peringkat ini sebaliknya lebih banyak diwarnai dengan kepercayaan karut, khurafat atau tahyul. Kepercayaan ini dibina berdasarkan imaginasi dan pengalaman tokoh-tokoh tertentu yang dipercayai mempunyai hubungan paranormal dengan alam semesta bagi menjaga ketenteraman serta kedamaian sesebuah kelompok masyarakat.[3]

Hal ini berterusan sehingga kewujudan kerajaan Melayu yang besar seperti Kedah Tua, Chih-Tu (Kelantan), Tan-Tan (Terengganu), Langkasuka (Pattani, Thailand), Gangga Negara (Beruas, Perak) dan Lo-Yueh (Johor).[4] Pada era ini, hubungan diplomatik dan perdagangan mula terbentuk antara kerajaan-kerajaan tersebut terutamanya dengan dua kerajaan utama lagi berpengaruh ketika itu iaitu kerajaan India dan China. Hubungan yang terbentuk antara kerajaan-kerajaan ini telah mendorong para mubaligh agama Hindu dan Buddha untuk menyebarkan agama serta kepercayaan mereka terhadap pemerintah juga masyarakat di alam Melayu. Namun begitu, Syed Naquib al-Attas berpandangan bahawa pengaruh kedua-dua agama tersebut tidak bersifat menyeluruh sebaliknya lebih banyak berlegar dalam kalangan pemerintah sahaja. Masyarakat bawahan pula dilihat masih kekal dengan kepercayaan berunsurkan animisme dan dinamisme. Perubahan kepercayaan dan cara hidup masyarakat berjaya dilakukan secara menyeluruh dengan kedatangan Islam yang memberi kesan besar terhadap setiap aspek kehidupan mereka.[5] Penyebaran agama Islam di alam Melayu telah melalui dua tahap iaitu tahap kedatangan dan tahap perkembangan.[6] Para sejarawan secara umumnya membahagikan kedatangan Islam ke alam Melayu kepada tiga teori iaitu dari India, China dan Semenanjung Tanah Arab. Ahli sejarah terutamanya para sejarawan tempatan seperti Syed Naquib al-Attas dan Hamka lebih cenderung kepada teori ketiga iaitu gerakan pengislaman masyarakat Melayu telah dimulakan oleh para mubaligh dari Semenanjung Tanah Arab. Mereka telah melaksanakan beberapa pendekatan seperti mengajar ilmu agama di istana-istana, mempelajari bahasa dan budaya Melayu serta sebahagiannya pula berkahwin dengan penduduk tempatan dalam usaha mengislamisasikan masyarakat alam Melayu.[7] Usaha penyebaran Islam di alam Melayu ini dikaitkan dengan beberapa golongan antaranya pedagang, mubaligh, Alawiyyin dan ulama tasawuf.

Pengaruh Gerakan Tasawuf di Melaka

Golongan tasawuf termasuk kelompok Alawiyyin sebenarnya sangat berperanan besar dalam pengislaman orang Melayu di rantau ini. Berdasarkan karya sejarah klasik, kumpulan terawal pendakwah yang tiba di rantau ini kebanyakannya berpegang kepada aliran tarekat dan tasawuf. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa karya seperti Hikayat Raja-Raja Pasai yang menyebut nama Syeikh Ismail, Syeikh Abdul Aziz dalam Sulalatus Salatin serta Syeikh Abdullah Arif dan Syeikh Burhanuddin terdapat pada Hikayat Acheh.[8] Tokoh-tokoh yang dinyatakan telah memainkan peranan tersendiri dalam usaha dakwah Islam di rantau ini dan dalam masa yang sama turut masyhur sebagai pendokong tarekat tertentu. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Abu Hasan,[9] al-Attas[10] serta Wan Mohd Saghir[11] yang menegaskan bahawa pengislaman orang Melayu di rantau ini berkait rapat dengan gerakan

[2] Abdul Rahman Abdullah (2012), *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 28-30.
[3] Ibid., h. 72-74.
[4] Jayum A. Jawam (2007), *Malaysian Politics and Government*, Shah Alam: Karisma Publications, h. 3.
[5] Shamsul Amri Baharuddin (2007), *Modul Hubungan Etnik*, Shah Alam: UPENA, h. 24-25.
[6] Mahayudin Yahaya (2001), *Op.cit*, h. 3.
[7] S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysia Sociological Research Institute, h. 83.
[8] Shafie Abu Bakar (1996), "Kedatangan dan Perkembangan Ilmu Islam di Nusantara," dalam Baharuddin Yatim dan Sulaiman Noordin (eds.), *Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia*, Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM, h. 8.
[9] Abu Hasan Sham (1980), "Tarikat Naqsyabandiah dan Peranannya dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad ke-20," dalam Khoo Khay Kim (ed.), *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 57.
[10] Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963), *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised among the Malays,* Singapore: Malaysia Sociological Research Institute, h. 38.
[11] Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *al-Ma'rifah: Pelbagai Aspek Tasawuf di Nusantara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 23.

tasawuf terutamanya menerusi peranan yang dimainkan oleh aliran tarekat terawal di alam Melayu iaitu Tarekat Qadiriyyah dan Tarekat Alawiyyah. Tokoh utama yang dikaitkan dengan usaha ini ialah Syeikh Abdullah al-Yamani, murid kepada Syeikh Abdul Qadir al-Jailani daripada aliran Tarekat Qadiriyyah. Ajaran tarekat ini seterusnya dikembangkan di Acheh dan Sumatera oleh Syeikh Abdullah Arif manakala Syeikh Maulana Abdul Aziz dari Jeddah yang juga merupakan cicit kepada Syeikh Abdul Qadir telah mengembangkan ajaran ini di Melaka dan kawasan sekitarnya. Tarekat Qadiriyyah yang dinisbahkan kepada Syeikh Abdul Qadir merupakan antara aliran tarekat terawal dan berpengaruh berbanding tarekat-tarekat sufi yang lain. Keperibadian Syeikh Abdul Qadir yang unggul secara tidak langsung turut menyumbang kepada perkembangan tarekat ini dalam dunia Islam termasuklah di rantau Nusantara.

Pengajian tasawuf telah menerima sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat tempatan Melaka di mana pembelajaraan ini pada kebiasaannya dijalankan di istana, masjid, madrasah dan zawiyah sufi atas anjuran Sayyid Abdul Aziz yang juga merupakan antara tokoh terawal dalam dakwah Islam di Melaka. Anak beliau, Sayyid Yusuf pula berperanan sebagai kadi pada zaman Kesultanan Melaka dan bertanggungjawab terhadap perundangan Islam agar dihormati serta dipatuhi oleh penduduk Melaka.[12] Kedatangan para pendakwah terutamanya daripada aliran tasawuf berterusan di mana semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, seorang syeikh dari Arab bernama Syeikh Jalaluddin telah datang ke Melaka untuk mengajar Islam. Pada zaman Sultan Mansur Syah pula, kedatangan Maulana Abu Bakar dengan kitab *Durr al-Manzum,* sebuah kitab tauhid dan tasawuf karangan Abu Ishaq al-Shirazi telah menerima sambutan yang baik daripada pihak sultan sehinggakan baginda telah mengarahkan agar kitab tersebut diarak dari kapal sehingga ke balai rong istana. Ini sebagaimana yang dinyatakan dalam penulisan berikut:

> Setelah sudah, Maulana Abu Bakar pun turunlah ke bawah angin membawa kitab itu, menumpang kapal dari Jeddah ke Melaka. Setelah beberapa lamanya di laut, sampailah ke Melaka. Maka sangat dipermulia oleh Sultan Mansur Syah akan Maulana Abu Bakar. Kitab Duri'l-manzum itu disuruh baginda arak lalu ke balairung. Maka Sultan Mansur Syah pun bergurulah dengan pada Maulana Abu Bakar; maka sangatlah dipuji oleh Maulana Abu Bakar akan Sultan Mansur Syah, terlalu amat terang hati. Banyaklah ilmu diperolehi baginda. Maka oleh Sultan Mansur Syah Duri'l-manzum itu disuruh ertikan ke Pasai kepada Makhdum Patakan. Maka Duri'l-manzum itu pun diertikan, setelah sudah, dihantarkan ke Melaka, maka terlalu sukacita Sultan Mansur Syah melihat Duri'l manzum sudah bermakna. Maka Duri'l-manzum itu ditunjukkan baginda pada Maulana Abu Bakar, maka berkenanlah Maulana Abu Bakar akan makna Duri'l manzum itu, beberapa pujian akan Tuan Patakan.[13]

Kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Makhdum Patakan, seorang ulama terkemuka Pasai ketika itu atas arahan sultan kerana terdapat pelbagai pengajaran dan manfaat yang boleh diambil daripada kitab tersebut. Maulana Abu Bakar yang diarahkan oleh gurunya, Syeikh Abu Ishaq dan Syarif Kota Makkah untuk pergi ke Melaka bagi menjalankan misi dakwah akhirnya telah dilantik sebagai guru kepada Sultan Mansur Syah.[14]

Pengajian Islam pada peringkat awal dijalankan dalam skala kecil dan lebih tertumpu kepada kelompok tertentu yang berminat dengan pembelajaran tersebut. Pengajian agama bukan sahaja dijalankan di rumah tuan guru serta pondok perguruan seperti *zawiyah* atau *ribat* bahkan turut berlangsung di istana serta rumah pembesar. Sistem pengajian secara kecil-kecilan ini mula dijalankan secara lebih tersusun serta bersistematik apabila pemerintah yang telah memeluk Islam menzahirkan minat untuk mempelajari asas-asas ajaran Islam seperti ilmu fikah, tauhid dan tasawuf.[15] Hal ini secara tidak langsung turut mempengaruhi rakyat untuk turut serta dalam pengajian yang dijalankan sehingga memerlukan suatu kawasan sesuai untuk proses pengajaran lebih kondusif. Maka, pihak pemerintah telah mengambil insiatif untuk mendirikan *madrasah*, *ribat* dan *zawiyah* yang berfungsi sebagai tempat pengajian agama Islam secara lebih bersistematik. Selain itu, masjid dan surau yang dibangunkan untuk tujuan beribadat juga turut dimanfaatkan bagi menjalankan sesi pengajian terutamanya pengajian al-

[12] Mohd Faizal Harun (2015), *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia*, Sintok: Penerbit UUM, h. 43.
[13] A. Samad Ahmad (penyelenggara) (1996), *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 58.
[14] Shafie Abu Bakar (1996), *Op.cit*, h. 9.
[15] Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 128.

Quran.[16] R.O Winstedt dan W.G. Shellabear menyatakan bahawa ulama tasawuf seperti Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Qadi Yusuf, Maulana Sadar Jahan dan Maulana Jalaluddin merupakan antara tokoh terawal yang memainkan peranan penting dalam menyuburkan tradisi pengajian Islam terutamanya di Melaka ketika itu.[17]

Abad ke-15 menyaksikan Melaka telah mengambil alih peranan Perlak dan Samudera-Pasai sebagai kerajaan Islam yang terkuat di alam Melayu sehingga menjadi tumpuan para pendakwah khususnya tokoh-tokoh tasawuf untuk menyuburkan lagi pengajian Islam di rantau Nusantara.[18] Kedatangan para pendakwah ini telah menarik minat bukan sahaja penduduk Melaka bahkan dari kawasan sekitarnya sehingga ke Tanah Jawa bagi menuntut ilmu Islam termasuklah ilmu tasawuf, tarekat, hakikat[19] dan makrifat[20].[21] Pengajian tasawuf dan tarekat khususnya pada abad ke-12M hingga abad ke-15M didominasi oleh para pendakwah berbangsa Arab dengan kehadiran ramai tokoh-tokoh tasawuf ke rantau ini. Namun begitu, pasca penjajahan rantau Melayu oleh kuasa Barat seperti Portugis dan Belanda menyaksikan peranan tersebut telah diambil alih oleh tokoh-tokoh tasawuf tempatan berbangsa Melayu seperti Sunan Kalijaga, Syeikh Siti Jenar, Hamzah Fansuri serta Abd Rauf al-Singkeli. Tokoh-tokoh ini telah berperanan dalam menyemarakkan lagi proses pengajian ilmu tasawuf dan penerimaan *bai'ah* tarekat dalam kalangan penduduk setempat.

Peranan Ulama Tasawuf dalam Perkembangan Islam di Pulau Besar

Pulau Besar masyhur sebagai tempat persinggahan para nelayan dan pedagang yang melalui Selat Melaka untuk mendapatkan bekalan air bersih, makanan serta kayu api sebelum menunggu giliran untuk berlabuh di Pelabuhan Melaka. Peranan Pulau Besar sebagai pusat bekalan air bersih turut diakui oleh Ma Huan dalam karyanya Ying-Yai Sheng Lan yang menyatakan bahawa Pulau Besar digelar sebagai Pulau Air @ Wu Shu oleh para pedagang China.[22] Dakwaan ini diperkukuhkan lagi dengan kewujudan beberapa perigi lama yang dianggarkan berusia melebihi ratusan tahun di sekeliling pantai Pulau Besar. Kedudukan perigi-perigi itu pula hanya beberapa meter dari kawasan pantai. Namun begitu, kebanyakannya sudah tertimbus dan tidak boleh digunakan lagi. Menurut Ma Huan juga, para pedagang Cina akan berlabuh dan berehat di Pulau Besar bagi mendapatkan bekalan serta keperluan mereka. Hal ini kerana kebiasaannya masyarakat nelayan yang menetap di muara sungai Melaka akan membawa barangan dagangan mereka untuk ditukarkan dengan barangan para pedagang yang singgah di pulau ini berdasarkan keperluan masing-masing.[23] Kepesatan Melaka yang semakin membangun sebagai pusat pemerintahan dan perdagangan utama di Kepulauan Melayu secara tidak langsung turut memasyhurkan pulau ini sebagai pusat perdagangan berskala kecil, pusat bekalan air bersih mahupun keperluan asas serta tempat tumpuan untuk mempelajari juga mendalami ilmu agama setelah pulau ini didiami ramai pendakwah Islam.

Selain pedagang, terdapat juga pengembara dan pendakwah yang turut berminat untuk mendiami pulau ini disebabkan kedudukannya yang hanya terletak beberapa kilometer sahaja dari Pelabuhan Melaka. Oleh kerana Pulau Besar sudah terkenal sebagai pusat bekalan air bersih dalam kalangan pedagang dan pengembara, maka ia telah muncul sebagai tempat yang paling strategik untuk para pendakwah Islam memperkenalkan serta mengembangkan ajaran Islam. Kemasyhuran Pulau Besar sebagai pusat perkembangan dakwah Islam yang utama di alam Melayu suatu ketika dahulu sebahagian besarnya disumbangkan oleh para pendakwah aliran tasawuf yang sanggup berkorban untuk datang ke alam Melayu khususnya Melaka. Majoriti daripada mereka berperanan menyebarkan Islam menerusi pembinaan madrasah dan pusat pengajian bagi membantu masyarakat tempatan mendalami Islam dengan lebih baik. Antaranya adalah Syeikh Ismail yang digelar sebagai Sultan al-'Arifin dan masyhur

---

[16] Ibid., h. 126-132.
[17] Muhammad Yusuf Khalid (2002), Peranan Tarekat Tasawuf dalam Dakwah Islamiyah, Dlm. *Isu Dakwah dan Kemanusiaan dalam Era Globalisasi*, Muhammad Yusuf Khalid et.al (Eds.), Kuala Lumpur, Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam, KoleJ Universiti Islam Malaysia, h. 33.
[18] Ramli Awang (2006), *Perkembangan Institusi Pondok di Nusantara: Pengaruhnya di Negeri Kedah*, Skudai: Penerbit UTM, h. 3-4.
[19] Menurut al-Nabhani, hakikat (*al-Haqiqah*) merupakan tujuan daripada syariah yang berupa *musyahadah* rahsia ketuhanan berasaskan pada tarekat. Mereka yang menempuh jalan tarekat mampu memahami hakikat yang merupakan matlamat akhir daripada syariah. Lihat Yusuf bin Ismail al-Nabhani (2001), *Jami' Karamat al-Awliya'*, Beirut: Maktabah al-'Asriyah, h. 154.
[20] Menurut al-Qusyairi, makrifat (*al-ma'rifah*) merupakan ilmu mengenal Tuhan menerusi perantaraan hati (*qalb*) berdasarkan pengalaman rohani secara langsung oleh pengamal tarekat menerusi *nur* yang diilhamkan ke dalam hati (*qalb*)-nya. Lihat 'Abd al-Karim bin Hawazin al-Qushairi, (t.t) *al-Risalah al-Qushairiyyah fi 'Ilm al-Tasawwuf*, Beirut: Dar al-Jil, h. 43.
[21] Ramawan Ab. Rahman (2009), *Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam*, UiTM: UPENA, h. 184.
[22] Ma Huan (1970) *The Overall Survey of The Ocean's Shores*, J.V.G Mills (transl.), Cambridge: Cambridge University Press, h. 111-114
[23] Ibid.

dalam kalangan penduduk tempatan kerana berasal daripada keturunan Rasulullah SAW dari sanad Hussain bin Ali RA. Beliau bersama pengikutnya telah menetap di Pulau Besar dan membina sebuah penempatan kecil untuk menyebarkan ajaran Islam. *Zawiyah* atau madrasah Pulau Besar ini menjadi antara lokasi tumpuan penyebaran Islam yang terkenal pada zaman dahulu serta memainkan peranan yang besar dalam penyebaran ilmu pengetahuan juga perkembangan tasawuf di sekitar Nusantara.[24]

Nama sebenar Sultan al-'Arifin ialah Syeikh Ismail bin Sayyid Abdul Qadir bin Sayyid Abdul Jabbar. Beliau merupakan keturunan Rasullullah SAW ke-18 daripada nasab keturunan Sayyidina Hussain bin Ali RA serta cicit kepada Sultan al-Awliya' Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, seorang wali Allah yang sangat masyhur di seluruh dunia. Syeikh Ismail turut dikenali sebagai Wali Lanang di Kepulauan Melayu sebagaimana yang tercatat dalam *Babad Tanah Jawi*.[25] Sultan al-'Arifin adalah nama yang digelarkan oleh orang ramai terhadap beliau membawa maksud 'Penghulu Orang-Orang Yang Arif'. Syeikh Ismail telah dilahirkan pada 17 Rabi' al-Awwal tahun 867H/1463M di Baghdad. Bapanya bernama Sayyid Abdul Qadir dan ibunya Sayyidah Fatimah. Beliau mempunyai ilmu dan pengetahuan agama yang tinggi. Sewaktu ke Madinah untuk menziarah makam Rasulullah SAW, beliau telah didatangi satu suara yang menyuruh beliau mengembangkan dakwah Islam di kepulauan Jawa. Sebagai seorang yang taat kepada agama, beliau berusaha menunaikan amanah tersebut lalu memulakan pengembaraan dan akhirnya tiba di Pulau Besar bersama-sama dengan ahli rombongannya.[26]

Syeikh Ismail berserta gurunya Syeikh Yusuf Siddiq, abangnya Syeikh Ibrahim berserta 13 orang yang lain dari Baghdad sampai ke Pulau Besar pada 1495M/900H. Mereka merupakan antara kumpulan pendakwah pertama sampai ke Pulau Besar untuk menjadikan pulau itu sebagai pusat perkembangan dakwah di alam Melayu. Kemudian, beberapa para pendakwah yang lain dari Syria, Yaman dan Semenanjung Arab turut datang sehingga jumlah mereka seramai 43 orang. Kesultanan Melayu Melaka ketika itu diperintah oleh Sultan Mahmud Syah (1488-1528M), sultan terakhir sebelum Melaka jatuh ke tangan penjajah Portugis pada 1511M. Di Pulau Besar, ilmunya telah berkembang luas dan beliau mempunyai pengikut yang sangat ramai di seluruh Kepulauan Melayu termasuk India, Samudera-Pasai, Champa dan Kelantan. Antara murid beliau yang sangat masyhur ialah Raden Maulana Makhdum Ibrahim (Sunan Bonang) serta Raden Paku (Sunan Giri). Syeikh Ismail mengamalkan Tarekat Qadiriyyah yang diasaskan oleh moyangnya iaitu Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Beliau merupakan antara penyebar awal ajaran tarekat tersebut di alam Melayu. Peranan yang dimainkan oleh beliau dan para pendakwah yang lain dalam menerapkan elemen tauhid dan akhlak terpuji dalam kalangan masyarakat tempatan telah menarik minat mereka dengan ajaran Islam. Maka, tidak hairanlah apabila zikir-zikir yang dinisbahkan kepada Syeikh Abdul Qadir telah menjadi amalan pihak istana dan juga rakyat jelata.[27]

Dalam masa yang singkat, pusat pengajian di Pulau Besar telah menjadi tumpuan masyarakat Nusantara pada abad ke-14 dan 15M untuk mendalami ilmu agama terutamanya yang berbentuk kerohanian seperti tasawuf dan tarekat. Secara tidak langsung, tokoh-tokoh tasawuf yang dinyatakan telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan serta mengembangkan Islam di alam Melayu antaranya:

Penubuhan Pusat Pengajian Bersistematik

Kedatangan Syeikh Ismail ke Pulau Besar telah membawa kepada penubuhan *zawiyah* (pondok) bagi tujuan pengajian agama dan tasawuf. Hal ini secara tidak langsung telah menarik perhatian para pendakwah lain dari Semenanjung Arab sehingga mencapai 43 orang. Mereka digelar sebagai 'Ahli Pulau Besar' dan berperanan dalam membangunkan Pulau Besar sebagai pusat tumpuan bagi pengajian keagamaan terutamanya berkaitan tarekat dan tasawuf. Bagi menjadikan struktur pengajian lebih bersistematik, jawatankuasa pentadbiran pulau telah ditubuhkan di mana Syeikh Ismail telah dilantik sebagai imam dan mursyid, sementara gurunya Syeikh Yusuf pula bertindak sebagai penasihat dan pakar rujuk masyarakat.[28] Keunggulan pusat pengajian ini terbukti apabila bukan sahaja masyhur dalam kalangan penduduk sekitar Melaka bahkan turut menarik perhatian masyarakat Nusantara. Dua orang Wali Songo yang sangat terkenal di Pulau Jawa iaitu Sunan Bonang dan Sunan Giri pernah mendapatkan pengajian ilmu keagamaan dan tasawuf dari madrasah di Pulau Besar. [29] Menurut

[24] Ramli Awang (2006), *Op.cit*, h. 4.
[25] Pandji Djojosubroto (ed.) (1917) *Serat Babad Tanah Jawi*, Semarang: G.C.T. Van & Co., h. 35.
[26] Ana Faqir (2008), *Menyingkap Misteri Pulau Besar, Kuala Lumpur: Seribu Dinar*, h. 114.
[27] Faizal Mohd Harun (2015), *Op.cit*, h. 58.
[28] Ana Faqir (2008), *Op.cit*, h. 116.
[29] Ramli Awang (2006), *Op.cit*, h. 4.

Hamka,[30] Sunan Bonang dan Sunan Giri telah belajar di madrasah Pulau Besar, Melaka selama tiga tahun. Kedua-dua tokoh ini dipercayai telah mengambil *bai'ah* Tarekat Qadiriyyah daripada Syeikh Ismail.[31] Setelah tamat pengajian di Pulau Besar, mereka berdua telah kembali ke Pulau Jawa lalu mendirikan pesantren atau pondok bagi tujuan penyebaran Islam di Pulau Jawa. Selain dua tokoh ini, antara tokoh lain yang turut membina nama di Kepulauan Jawa adalah Sunan Kalijaga. Menurut B.I.O Schrieke, Sunan Kalijaga bersama sahabatnya Syeikh Subatris telah mendapat pendidikan di madrasah Pulau Upeh sebelum mereka kemudiannya turut ke Pulau Besar untuk mendalami pengajian tasawuf.[32] Beliau sempat berguru dengan Syeikh Ismail dan seterusnya menyambung pengajiannya bersama Syeikh Muhammad Saman di Pulau Besar.[33] Hal ini memperlihatkan kepada kita kepentingan madrasah ini ketika itu sehingga turut menarik minat tokoh-tokoh terkemuka di Nusantara untuk mendapatkan pendidikan agama.[34] Namun begitu, maklumat lengkap berkaitan madrasah ini tidak banyak diketahui disebabkan kurangnya bukti-bukti peninggalan yang dapat ditemui.

Penyebaran Aliran Tarekat di Alam Melayu

Peringkat awal penyebaran ilmu tasawuf dan tarekat banyak dipelopori oleh para ulama sufi dari luar alam Melayu terutamanya dari Semenanjung Arab.[35] Hal ini kerana proses pengislaman masyarakat di alam Melayu banyak dipengaruhi oleh gerakan tasawuf terutamanya menerusi peranan yang dimainkan oleh aliran tarekat terawal di alam Melayu iaitu Tarekat Qadiriyyah dan Tarekat Alawiyyah.[36] Tokoh-tokoh utama seperti Syeikh Abdullah al-Yamani (Kedah), Syeikh Abdullah Arif (Acheh), Syeikh Ibrahim Asmoro (Jawa), Syeikh Ismail (Melaka) dan Syarif Awliya' (Sulu) telah memainkan peranan penting dalam mencetuskan perkembangan aliran tarekat terutamanya di kawasan-kawasan sasaran dakwah mereka sendiri.[37] Menurut al-Attas, terdapat sembilan tarekat yang berpengaruh di rantau Nusantara iaitu Qadiriyyah, Naqsyabandiyyah, Rifaiyyah, Syaziliyyah, Chistiyyah, Syattariyyah, Ahmadiyyah, Tijaniyyah dan Alawiyyah. Namun yang mempunyai kedudukan yang kukuh dan diterima baik oleh masyarakat Melayu ketika itu hanya tiga sahaja iaitu Qadiriyyah, Naqsyabandiyyah dan Ahmadiyyah.[38] Tarekat Qadiriyyah yang dinisbahkan kepada Syeikh Abdul Qadir merupakan antara aliran tarekat terawal dan berpengaruh berbanding tarekat-tarekat sufi yang lain. Tarekat Qadiriyyah telah dikembangkan di Acheh dan Sumatera oleh Syeikh Abdullah Arif manakala Syeikh Maulana Abdul Aziz dari Jeddah yang juga merupakan cicit kepada Syeikh Abdul Qadir telah mengembangkan ajaran ini di Melaka dan kawasan sekitarnya.[39] Syeikh Ismail menerusi madrasah sufinya di Pulau Besar turut berperanan dalam usaha ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Ana Faqir yang memetik catatan dalam kitab *Tuhfah al-Abrar*:

> Adalah Syeikh Ismail merupakan seorang wali Allah yang kamil lagi wasil yang menghimpun as-syariah dan at-thariqah serta al-haqiqah. Dengan terhimpunnya syariat, tarekat dan hakikat pada dirinya, menjadilah Syeikh sebagai 'al-Insan al-Kamil'. Telah datanglah kepadanya ribuan murid dari dekat dan jauh yang menuntut petunjuk dan pedoman dalam perjalanan menuju Allah. Di tangan Syeikh Ismail r.a. mereka mengambil baiah (ijazah) tarekat al-Qadiriyah, an-Naqsyabandiyah, as-Syattariyah dan al-Jistiyah (Chistiyah). Setelah menjalani latihan kerohanian secukupnya di Pulau Besar, kedapatan di antara mereka yang dilantik menjadi khalifah oleh Syeikh Ismail lalu pulang ke negeri asalnya bagi mengembangkan pula pengajaran tersebut. Kedapatan pula mereka yang menyambung pengajian di Tanah Mekah dan di daerah lain.[40]

Usaha yang digerakkan oleh para pendakwah sufi ini telah menjadikan aliran tarekat mula bertapak kukuh di rantau Nusantara ini. Tarekat Qadiriyyah antaranya bukan sahaja mendapat tempat di Semenanjung Tanah Melayu bahkan turut diterima secara meluas di Kepulauan Indonesia. Perkembangan tarekat ini di Tanah Jawa dimulakan oleh Sunan Bonang dan Sunan Giri menerusi ijazah

---

[30] Hamka (2016), *Sejarah Umat Islam*, Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 466.
[31] Ana Faqir (2008), *Op.cit*, h. 144-145.
[32] Abdul Rahman Abdullah (1990) *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 134.
[33] Faizal Mohd Harun (2015), *Op.cit*, h. 54.
[34] Abd Latif Juffri (2014), *Pendekatan Dakwah Wali Songo 9*, Johor: Majlis Agama Islam Negeri Johor, h. 47.
[35] Suzana Othman (2011), *Ahlul-bait (Keluarga) Rasulullah SAW & Ulama Umarak di Alam Melayu*, Batu Caves: Crescent News, h. 78.
[36] Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963), *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised among the Malays,* Singapore: Malaysia Sociological Research Institute, h. 38.
[37] Suzana Othman (2011), *Op.cit*, h. 78.
[38] Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963), *Op.cit*, h. 33.
[39] Faizal Mohd Harun (2015), *Op.cit*, h. 220.
[40] Ana Faqir (2008), *Op.cit*, h. 144.

yang diterima oleh mereka daripada Syeikh Ismail[41] sebelum dikembangkan oleh Hamzah Fansuri dan muridnya, Syamsuddin as-Sumatra'i di Acheh.[42] Meskipun kekurangan maklumat dan rekod lengkap berkaitan kegiatan tarekat ini di Melaka dan kawasan sekitarnya, namun kesinambungan perjalanan tarekat ini di Semenanjung Tanah Melayu sehingga kini memperlihatkan bahawa ia sememangnya mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam kalangan masyarakat tempatan ketika itu.[43] Hal ini kerana pengamalan pelbagai aliran tarekat dalam satu-satu masa bukanlah suatu yang ditegah bagi seorang syeikh dalam mendidik *salik*-nya malah merupakan suatu bentuk pengiktirafan sebagaimana yang dilakukan oleh Syeikh Ali Muttaqi yang mewarisi empat aliran tarekat, iaitu Shaziliyyah, Madyaniyyah, Chishtiyyah dan ditunjangi tarekat induknya Qadiriyyah. Ini bermakna syeikh pada kebiasaannya akan mengijazahkan tarekat Qadiriyyah kepada murid beliau namun dalam masa yang sama boleh juga mengijazahkan mana-mana tiga aliran tarekat yang lain atau kesemuanya sekali berdasarkan kecenderungan murid.[44]

Mereformasikan Cara Hidup Masyarakat

Masyarakat tempatan di alam Melayu sebelum kedatangan Islam banyak dipengaruhi dengan kepercayaan terhadap unsur-unsur mistik seperti ilmu hitam, ilmu kebal, perbomohan dan sebagainya yang menjadi amalan dalam kehidupan seharian mereka. Kemasukan aliran tasawuf dan tarekat yang mementingkan elemen penyucian jiwa dan pengukuhan rohani telah menarik perhatian masyarakat tempatan untuk meninggalkan cara hidup mereka yang lama. Hal ini dibantu dengan kebijaksanaan para pendakwah sufi dalam mengaplikasikan teknik dakwah yang berkesan dan bersesuaian terhadap masyarakat ketika itu sehingga mampu mencetuskan arus reformasi dalam corak kehidupan mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh John Crawfurd:

> *The successsof the Mahomedan missionaries, contrasted with the failure of the Christian, it is not difficult to trace to the true cause. The Arabs and the other Mahomedan missionaries conciliated the native of the country, -acquired their language, -followed their manners, -intermarried with them, -and, melting into the mass of the people, did not, on the one hand, give rise to a privileged race, nor on the other, to a degraded cast*.[45]

Aspek utama yang diberikan perhatian adalah pengamalan agama dan pendidikan. Tunjang utama dalam pengajian tarekat menekankan elemen ilmu yang diperoleh menerusi pengajaran dan pengajian kitab serta elemen amal menerusi pengamalan *hizb*, selawat dan sebagainya.[46] Dalam usaha memastikan unsur penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) ini mampu diterapkan, Tarekat Qadiriyah sebagai contoh telah menggariskan lima jalan yang perlu ditempuh oleh para pengamalnya iaitu mengingati Allah menerusi bacaan kalimah-kalimah suci (*zikir*), mengikat janji dengan guru (*mursyid*) untuk melaksanakan amalan-amalan tarekat (*bai'ah*), menghubungkan hati dengan *mursyid* semasa menerima *bai'ah* (*rabitah*), menghadirkan perasaan diawasi oleh Allah setiap masa (*muraqabah*) dan melagukan bacaan silsilah Syeikh Abdul Qadir secara berjamaah (*manaqiban*). Amalan zikir dalam tarekat ini bukan sahaja memberi kesan dari sudut *ukhrawi*, bahkan turut berperanan sebagai benteng yang ampuh daripada penyakit psikosomatik serta medium psikoterapi.[47]

Bai'ah atau ijazah yang diterima oleh sebahagian besar penuntut ilmu di madarasah Pulau Besar daripada Syeikh Ismail sudah pastinya secara tidak langsung telah disebarkan dan diamalkan oleh penduduk setempat. Keperibadian Syeikh Abdul Qadir yang unggul secara tidak langsung turut menyumbang kepada perkembangan tarekat ini dalam dunia Islam termasuklah di rantau nusantara. *Manaqib* (riwayat hidup) beliau sering dibaca oleh masyarakat Melayu. Namun tidak dinafikan juga wujud segelintir pihak yang menyalahgunakan nama beliau bagi tujuan terlarang terutamanya dalam bidang pengubatan dan persilatan Melayu.[48] Walau bagaimanapun, ketokohan beliau dalam bidang keilmuan dan kerohanian dilihat masih memberikan sumbangan yang besar terhadap masyarakat

---

[41] Hamka (2016), *Op.cit*, h. 466.
[42] Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963), *Op.cit*, h. 48.
[43] Faizal Mohd Harun (2015), *Op.cit*, h. 249.
[44] Rohaimi Rastam, Mohd Syukri Yeoh Abdullah dan Yusri Mohamad Ramli (2015), "Analisis Salasilah Tarekat Shaykh Shams al-Din al-Sumatra'i," *International Journal of Islamic Thought*, Bil. 8, h. 65.
[45] John Crawfurd (1820), *History of the Indian Archipelago*, Edinburgh: Archibald Constable and Co., h.275-276.
[46] Rohaimi Rastam et.al (2015), *Op.cit*, h. 68.
[47] Marwan Salahudin dan Binti Arkumi (2016), "Amalan Tarekat Qadiriyah wa Naqsabandiyah Sebagai Proses Pendidikan Jiwa," *Esoterik: Jurnal Akhlak dan Tasawuf*, Bil. 2, No. 1, h. 67.
[48] Abd Latif Juffri dan Masnorindah Mohd Masry (2010), *40 Tokoh Ulama Johor*, Johor: Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Ugama Malaysia Barat, h. 152-153.

Melayu khususnya sewaktu proses transisi mereka daripada kepercayaan animisme kepada Islam. Hal ini ditambah pula dengan kesinambungan peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh sufi seperti Syeikh Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Syeikh Ismail, Syeikh Yusuf dan Syeikh Ibrahim dalam menyebarkan aliran tarekat ini di alam Melayu.

Melahirkan Intelektual dan Pendakwah Tempatan

Kedatangan Islam ke alam Melayu secara umumnya telah mencetuskan kesedaran berkaitan kepentingan pendidikan dan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat Melayu. Menurut al-Attas, Islam telah mewujudkan paradigma rasionalisme dan intelektualisme dalam semua peringkat sama ada pemimpin atasan mahupun rakyat jelata bagi menggantikan kepercayaan bersifat tahyul dan mistik.[49] Kemunculan para pendakwah sufi telah membuka ruang yang luas buat masyarakat setempat untuk mempelajari ilmu pengetahuan terutamanya berkaitan ajaran Islam. Madrasah di Pulau Besar antaranya telah memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat dengan ilmu keagamaan seperti al-Quran, tauhid, tasawuf, fiqh, falsafah Islam dan sejarah.[50] Hal ini secara tidak langsung telah melahirkan kelompok intelektual dalam kalangan masyarakat yang mempunyai kebolehan dalam pelbagai disiplin ilmu sebagaimana yang dinyatakan oleh Francois Valentyn dalam gambarannya tentang masyarakat Melaka pada awal abad ke-18:

> *The Malays are the most cunning, the most ingenius and the politest people of the whole East…Their language, Bahasa Malayu…the Malays are accustomed to study it, trying their utmost to enlarge their knowledge of it and to learn Arabic; even some among them the Persian language too, and those who are more studious still strive to obtain knowledge of the Sanskrit…*[51]

Tokoh-tokoh sufi peringkat awal seperti Syeikh Ismail, Syeikh Abdul Aziz dan Maulana Abu Bakar ini telah menyumbang kepada kelahiran tokoh-tokoh sufi tempatan yang turut mempunyai nuansa sufi. melahirkan tokoh-tokoh yang hebat dalam masyarakat yang tidak dapat lari dari nuansa sufi juga. Mereka telah memberi sumbangan terhadap masyaarkat setempat menerusi program pengajian serta penulisan karya keagamaan sama ada berbentuk karya asli, terjemahan atau huraian dalam rangka meneruskan usaha yang dimulakan oleh para pendakwah sufi dari Timur Tengah.[52]

Penerimaan masyarakat Melayu terhadap pengajian tasawuf dan tarekat boleh dilihat menerusi penulisan kitab-kitab tasawuf yang dilakukan oleh ulama tasawuf Melayu. Kitab-kitab yang dihasilkan sangat bermutu antaranya seperti *Syarab al-'Asyiqin* dan *Asrar al-'Arifin* (Hamzah Fansuri), *Hikam* (Tokku Pulau Manis) dan *Mir'atul Haqiqah* (Syamsuddin al-Sumatra'i). Kitab-kitab ini juga telah dijadikan teks rujukan utama bagi pengajian tasawuf dalam kalangan penduduk alam Melayu selain kitab-kitab karya tokoh tasawuf terkenal dari Timur Tengah seperti *Ihya' Ulum al-Din* (al-Ghazali), *Tanbih al-Ghafilin* (al-Samarqandi), *Risalah al-Qusyairiyah* (al-Qusyairi) dan *Kasyf al-Mahjub* (al-Hujwiri).[53] Karya penulisan oleh tokoh-tokoh tempatan ini secara umunya berkisar kepada tiga tema utama iaitu tema tasawuf dan falsafah seperti *Syarh al-'Asyiqin* (Hamzah Fansuri), tema kesusasteraan agama dan ketatanegaraan seperti *Bustan al-Salatin* (Nuruddin al-Raniri) dan tema hikayat lagenda Islam seperti Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah.[54] Selain itu, mereka juga terlibat dalam aktiviti penterjemahan karya-karya tasawuf dari Timur Tengah antaranya al-*Hikam* (Ibn Ata'illah al-Sakandari) oleh Tok Pulau Manis, *Minhaj al-Abidin* (al-Ghazali) oleh Daud al-Fatani dan *Bidayah al-Hidayah* (al-Ghazali) oleh Abdul Samad al-Falimbani. Penterjemahan ini dilakukan agar proses pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan kandungan penulisan tersebut boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan.[55]

---

[49] Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Penerbit UKM, h. 96.
[50] Mohd Faizal Harun (2015), *Op.cit*, h. 294.
[51] Muller (terj.) (Jun 1884), "Valentyn's Description of Malacca," JSBRAS, No. 13, h. 52-53
[52] Rosni Wazir (2016), "Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh Dan Karyanya," *Jurnal Pengajian Islam*, Bil. 9, No. 2, h. 192.
[53] Mohd Faizal Harun (2015), *Op.cit*, h. 79.
[54] Abd. Rahman Haji Abdullah (2000), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur:Utusan Publications, h. 269
[55] Faudzinaim Badaruddin (2004), Kitab Jawi dan Tasawuf, Dlm. Zulkiple Abd Ghani dan Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (Eds.), *Dakwah Tarekat Tasawuf di Malaysia: Relevansi dan Cabaran*, Bangi: Penerbit UKM, h.140.

Kesimpulan

Masyarakat Melayu di Nusantara telah melalui suatu proses transformasi yang penting selepas kedatangan Islam di mana sebelumnya unsur mistik dan tahyul lebih banyak mewarnai kehidupan seharian mereka. Kedatangan Islam telah membawa kepada perubahan menyeluruh dalam aspek kehidupan masyarakat Melayu ketika itu merangkumi sudut akidah, politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan sistem masyarakat. Hal ini telah melonjakkan masyarakat Melayu ke arah kehidupan bertamadun yang lebih baik dibandingkan dengan sebelumnya. Namun begitu, perubahan ini bukannya berlaku dengan tiba-tiba sebaliknya didorong oleh tenaga penggerak yang mampu meyakinkan masyarakat Melayu untuk membuat suatu perubahan yang holistik. Peranan yang dimainkan oleh para penggerak ini dalam memperkenalkan serta mengembangkan dakwah Islam di alam Melayu telah membawa kepada proses pengislaman masyarakat Melayu secara besar-besaran melibatkan golongan atasan sehinggalah golongan bawahan. Ajaran tasawuf dan tarekat yang dibawa oleh golongan sufi dilihat berjaya menarik minat masyarakat Melayu untuk mendekati seterusnya menerima dakwah Islam. Hal ini kerana dasar pengajian tasawuf yang lebih menekankan aspek kerohanian dan keperibadian yang terpuji menjadikan dakwah mereka lebih mudah diterima ditambah unsur karamah yaqng dimiliki oleh tokoh-tokoh tasawuf tertentu yang dianggap sebagai wali oleh masyarakat tempatan. Pulau Besar merupakan antara lokasi tumpuan oleh para pendakwah sebagai pusat perkembangan Islam di alam Melayu. Kedatangan Syeikh Ismail bersama ahli rombongannya ke pulau ini telah merancakkan lagi aktiviti tersebut terutamanya dengan pembinaan pusat pengajian yang menarik perhatian penuntut ilmu di sekitar Nusantara termasuklah tokoh-tokoh yang masyhur seperti Wali Songo dari Kepulauan Jawa. Ternyata, para ulama tasawuf ini telah memainkan peranan yang cukup signifikan dalam penyebaran Islam di Melaka khususnya dan juga seluruh Nusantara umumnya.

Rujukan

‘Abd al-Karim bin Hawazin al-Qushairi (t.t), *al-Risalah al-Qushairiyyah fi ‘Ilm al-Tasawwuf*, Beirut: Dar al-Jil.

A. Samad Ahmad (penyelenggara) (1996), *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Rahman Haji Abdullah (2000), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Abdullah (2012), *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Hasan Sham (1980), “Tarikat Naqsyabandiah dan Peranannya dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad ke-20,” dalam Khoo Khay Kim (ed.), *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Ana Faqir (2008), *Menyingkap Misteri Pulau Besar*, Kuala Lumpur: Seribu Dinar.

Faudzinaim Badaruddin (2004), “Kitab Jawi dan Tasawuf,” dalam Zulkiple Abd Ghani dan Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (eds.), *Dakwah Tarekat Tasawuf di Malaysia: Relevansi dan Cabaran*, Bangi: Penerbit UKM.

Hamka (2016), *Sejarah Umat Islam*, Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Jayum A. Jawam (2007), *Malaysian Politics and Government*, Shah Alam: Karisma Publications.

John Crawfurd (1820), *History of the Indian Archipelago*, Edinburgh: Archibald Constable and Co.

Ma Huan (1970), *The Overall Survey of The Ocean's Shores*, J.V.G Mills (terj.), Cambridge: Cambridge University Press.

Mahayudin Yahaya (2001), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marwan Salahudin dan Binti Arkumi (2016), "Amalan Tarekat Qadiriyah wa Naqsabandiyah Sebagai Proses Pendidikan Jiwa," *Esoterik: Jurnal Akhlak dan Tasawuf*, Bil. 2, No. 1.

Mohd Faizal Harun (2015), *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia*, Sintok: Penerbit UUM.

Muhammad Yusuf Khalid (2002), "Peranan Tarekat Tasawuf dalam Dakwah Islamiyah," dalam Muhammad Yusuf Khalid et.al (eds.), *Isu Dakwah dan Kemanusiaan dalam Era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam.

Muller (terj.) (Jun 1884), "Valentyn's Description of Malacca," JSBRAS, No. 13.

Pandji Djojosubroto (ed.) (1917), *Serat Babad Tanah Jawi*, Semarang: G.C.T. Van & Co.

Ramawan Ab. Rahman (2009), *Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam*, UiTM: UPENA.

Ramli Awang (2006), *Perkembangan Institusi Pondok di Nusantara: Pengaruhnya di Negeri Kedah*, Skudai: Penerbit UTM.

Rohaimi Rastam, Mohd Syukri Yeoh Abdullah dan Yusri Mohamad Ramli (2015), "Analisis Salasilah Tarekat Shaykh Shams al-Din al-Sumatra'i," *International Journal of Islamic Thought*, Bil. 8.

Rosni Wazir (2016), "Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh Dan Karyanya," *Jurnal Pengajian Islam*, Bil. 9, No. 2.

S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysia Sociological Research Institute.

Shafie Abu Bakar (1996), "Kedatangan dan Perkembangan Ilmu Islam di Nusantara," dalam Baharuddin Yatim dan Sulaiman Noordin (eds.), *Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia*, Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM.

Shamsul Amri Baharuddin (2007), *Modul Hubungan Etnik*, Shah Alam: UPENA.

Suzana Othman (2011), *Ahlul-bait (Keluarga) Rasulullah SAW & Ulama Umarak di Alam Melayu*, Batu Caves: Crescent News.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963), *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised among the Malays*, Singapore: Malaysia Sociological Research Institute.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Penerbit UKM.

Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *al-Ma'rifah: Pelbagai Aspek Tasawuf di Nusantara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Yusuf bin Ismail al-Nabhani (2001), *Jami' Karamat al-Awliya'*, Beirut: Maktabah al-'Asriyah.